



Covid-19 #kitamestimenang

Empat kes BID dicatatkan dengan keseluruhan 57 kes semalam

Covid-19 catat 5,001 kematian

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Angka terkini kes kematian Covid-19 di Malaysia mencecah 5,001 kes dengan pertambahan sebanyak 57 kes termasuk tiga warga asing semalam iaitu kesemuanya berusia antara 33 hingga 96 tahun.

Empat daripada kes kematian tersebut adalah di luar hospital atau kes *brought-in-dead* (BID) dengan pesakit tersebut mempunyai latar belakang penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, strok, jantung dan buah pinggang.

Dalam masa sama, kes harian negara kekal merekodkan angka melebihi 5,000 dengan 5,218 kes serta melebihi kes sembuh yang mencatatkan sebanyak 4,744 kes semalam.

Pesakit yang dirawat dan diasingkan juga terus meningkat berbanding kelmarin dengan 61,812 kes termasuk 899 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan sebanyak 451 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah



PETUGAS kesihatan sedang mengambil keterangan daripada penduduk yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di Kampung Segambut Dalam, Kuala Lumpur semalam. – SHIDDIQIIN ZON

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	5,218
Import:	7
Tempatan:	5,211
Pulih	4,744
Kematian	57
Masih dirawat	61,812
Jumlah kes sembuh	672,453
Jumlah Kematian	5,001
Jumlah kes keseluruhan	739,266

kes baharu dilaporkan semalam, Selangor merekodkan sebanyak 1,989 kes, diikuti oleh Negeri Sembilan sebanyak 629 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 469 kes.

"Seterusnya, Sarawak (409 kes), Perak (400 kes), Sabah (258 kes), Johor (243 kes), Kedah (194 kes), Melaka (183 kes), Pahang (111 kes), Labuan (108 kes) dan Kelantan (101 kes).

"Pulau Pinang pula (88 kes), Terengganu (23 kes), Putrajaya (lapan kes) dan Perlis (lima kes)," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.